

JAWATANKUASA RUNDINGAN TERUS

- Punca Kuasa** 1. Jawatankuasa Tetap Kewangan ke-182 pada 19 Oktober 2020.
- Keanggotaan** 2. **Pengerusi** : Pegawai Universiti yang dilantik oleh Naib Canselor
Ahli – Ahli : i) Bendahari atau Pegawai Kewangan yang dilantik oleh Naib Canselor
ii) Pegawai Universiti yang dilantik oleh Naib Canselor (yang boleh memberi sumbangan dari segi pengetahuan/ pengalamannya dalam bidang tertentu mengikut keperluan perolehan)
Ahli Ganti : iii) Pegawai Universiti yang dilantik oleh Naib Canselor
Setiausaha: Pegawai Kanan di Seksyen Perolehan
- Kuasa - Kuasa** 3. Jawatankuasa Rundingan Terus hendaklah menjalankan tugas-tugas bagi Jawatankuasa semua perkara seperti berikut:
- i) Mempertimbang, menilai dan meluluskan permohonan rundingan terus bagi nilai perolehan di antara RM500 ribu - RM1 juta.
 - ii) Jawatankuasa ini merundingkan harga ke paras terendah yang menguntungkan Universiti
 - iii) Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab atas pelaksanaan dan pemantauan rundingan terus di antara RM500 ribu – RM1 juta.
 - iv) Apa-apa tugas lain seperti yang dikehendaki oleh peraturan semasa.
- Mesyuarat** 4. Mesyuarat Jawatankuasa hendaklah diadakan dari semasa ke semasa pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Pengerusi.
- Kuorum** 5. Kuorum mesyuarat hendaklah terdiri daripada tiga (3) orang termasuk pengerusi
- Minit** 6. Minit segala mesyuarat Jawatankuasa hendaklah diedarkan untuk makluman Jawatankuasa Tetap Kewangan dan cabutan minit diedarkan kepada pihak berkaitan untuk makluman dan tindakan.